

→ PTPN

[FOTO DZIYAU AFNAN ABDUL RAHMAN /BH]

Dana tahun ini cukup

→ Agensi sedia lebih RM3 bilion setahun tawar pinjaman kepada pemohon

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Dziyaul Afnan Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

† Arau

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPN) masih mampu menawarkan pinjaman kepada semua pemohon yang akan menyambung pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi tahun ini.

Pengerusinya, Wan Saiful Wan Jan, berkata pihaknya sebagai sebuah institusi yang menawarkan pinjaman

pelajaran bertanggungjawab memastikan pelajar dapat menyambung pelajaran tanpa menghadapi masalah kewangan.

Beliau berkata, pihaknya memperuntukkan antara RM3 bilion hingga RM3.5 bilion setahun dengan keupayaan menawarkan pinjaman kepada hampir 190,000 pelajar yang memohon.

Kekal dasar

"PTPN masih mempunyai dana yang mencukupi kerana pinjaman terbabit dijamin kerajaan. Tidak timbul isu PTPN mampu atau sebaliknya tetapi apa yang perlu difikirkan, sejauh mana kerajaan mampu menanggung hutang termasuk yang ditunggakan kerajaan terdahulu.

"Kita yakin semua pemohon yang berkecenderungan akan dapat menerima pinjaman mengikut kelayakan masing-masing dengan jumlah yang di-beri berbeza.

"Atas faktor ini juga, kita tekankan peminjam terdahulu untuk bayar semula pinjaman mereka kerana apa-

bila gagal berbuat demikian, sudah pasti sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada PTPN," katanya pada program Jom Masuk Universiti di Kolej Vokasional Arau di sini, semalam.

Ditanya mengenai sama ada PTPN masih mengguna pakai dasar kerajaan terdahulu dalam mengutip kembali pinjaman, Wan Saiful berkata, pihaknya masih tidak mengu- bah apa-apa dasar sedia ada.

"Bagaimanapun kita dalam proses mengkaji dasar atau mekanisme ba- haru sebelum ia dibentangkan untuk maklum balas bulan depan.

"Selepas mekanisme kutipan yang dicadangkan sebelum ini dipertikai, kerajaan membekukan ia dahulu. Su- dah pasti kita mengambil peluang untuk mengkaji semula secara ter- perinci bagi mengurangkan tekanan ke atas peminjam," katanya.

Beliau berkata, ada pelbagai ca- dangan yang akan dipertimbangkan dan dibincangkan termasuk menye- narai hitam peminjam ke luar negara yang gagal membayar balik pinja- man, dilaksanakan semula.



Wan Saiful (kanan) beramah mesra dengan pelajar pada program Jom Masuk Universiti di Kolej Vokasional Arau, semalam.